

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld. 5 (9)

2 September 2026
20 Rabi'ulawal 1448

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 46/2026

PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN KERJASAMA AKADEMIK DAN PENYELIDIKAN UNIVERSITI MELALUI DOKUMEN PERUNDANGAN (MEMORANDUM PERJANJIAN DAN PERSEFAHAMAN)

Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 5/2026 bertarikh 25 Mei 2026 telah meluluskan cadangan penambahbaikan pengurusan kerjasama akademik dan penyelidikan Universiti melalui dokumen perundangan (Memorandum Perjanjian, Persefahaman dan Suratcara). Penambahbaikan tadbir urus ini melibatkan semakan semula Pihak Berkuasa Melulus menandatangani kerjasama akademik dan penyelidikan melalui Memorandum Perjanjian (MoA) dan Memorandum Persefahaman (MoU).

2. Objektif kepada penambahbaikan pengurusan kerjasama akademik dan penyelidikan universiti melalui dokumen perundangan adalah seperti berikut:

- a) memastikan Pihak Berkuasa Melulus Dokumen Perundangan adalah teratur dan mempunyai punca kuasa yang sah menurut undang-undang;
- b) menyediakan suatu proses kerja yang lebih cekap dan keajaiban (*“lean management”*) melibatkan proses semakan, perakuan dan kelulusan (termasuklah penambahbaikan sistem UTMLinkages);
- c) menyediakan analisis risiko sebelum memulakan suatu kerjasama baru bagi meningkatkan ketelusan integriti dan kebertanggungjawaban ke atas kerjasama yang akan dijalankan;
- d) menetapkan panduan kerjasama, memantau dan menganalisis impak kerjasama ke atas universiti daripada kerjasama yang telah dan/atau akan dijalankan; dan
- e) memastikan pelaporan aktiviti kerjasama di dalam sistem MyMohes dilaksanakan dengan lebih cekap, telus serta bersistematik.

3. Bagi meningkatkan kecekapan pengurusan, Pejabat Penasihat Undang-Undang akan mengenakan caj pengurusan seperti berikut:

Dokumen Perundangan	Caj Pengurusan
Semua jenis Memorandum Perjanjian (kecuali melibatkan Dana Kerajaan)	RM500.00
Semua jenis Perjanjian Pertukaran Pelajar (Student Exchange Agreement)	RM50.00
Penyeteman (Duti Setem)	RM5.00 bagi setiap satu permohonan (bagi nilai penyeteman RM10.00) RM50.00 bagi setiap satu permohonan bagi nilai <i>advolorem</i>


4. Sehubungan itu, dilampirkan bersama-sama ini Dokumen Tadbir Urus MoU/MoA UTM sebagai rujukan kepada semua warga UTM dan pengenalan caj pengurusan berkuatkuasa dari tarikh pekeliling ini dikeluarkan.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' DR. MOHD SHARIL BIN ABDULLAH)
Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Ketua Kampus UTM Cawangan Kuala Lumpur
 - Ketua Kampus UTM Cawangan Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah

TADBIR URUS MOU/MOA UTM



Transformasi Pengurusan Kerjasama Akademik & Penyelidikan UTM

OBJEKTIF PENAMBAHBAIKAN



Pemantapan Punca Kuasa & Kelulusan

Memastikan Pihak Berkuasa meluluskan setiap dokumen Perundangan adalah teratur dan selaras dengan undang-undang serta perwakilan kuasa yang sah.

Pelaksanaan Pengurusan Lean (Lean Management)

Menyediakan proses semakan perakuan dan kelulusan yang lebih cekap melalui sistem UTMLinkages yang ditambah baik.



Peningkatan Integriti & Ketelusan

Menyediakan analisis risiko sebelum menjalinkan kerjasama untuk meningkatkan tanggungjawab bagi setiap projek yang dijalankan.

Pelaporan MyMohes yang Sistemik

Memastikan setiap aktiviti kerjasama dipantau dan dilaporkan secara telus dan sistematik kepada universiti dan KPT.



PERBANDINGAN PROSES (SEBELUM VS SELEPAS)

SEBELUM

Kekerapan Bersidang

Panel MoU/MoA bersidang 2 kali sebulan



Korwm Panel MoU/MoA

Terdiri daripada TNCP, wakil RMC, ICC, Pusat Komunikasi Korporat, bendahari, UTM-International, dan pejabat NC.



Tahap Perakuan dan Kelulusan

Panel MoU/MoA, JPU dan LPU
*kerjasama China & Türkiye: KPT



SELEPAS



Kekerapan Bersidang

Panel MoU/MoA di peringkat PPUU dan bersidang secara *ad hoc* mengikut keperluan



Korwm Panel MoU/MoA

Fokus kepada pandangan perundangan dan Pakar Bidang



Tahap Perakuan dan Kelulusan

JPU, Jawatankuasa Kewangan (MoA dalam dan luar negara) dan LPU.
*kerjasama China & Türkiye: KPT

IMPLIKASI KEWANGAN (CAJ PENGURUSAN)



Student Exchange Agreement (SEA)

RM 50
bagi setiap permohonan



Semua jenis kerjasama MoA kecuali melibatkan dana kerajaan

RM 500
bagi setiap permohonan



Penseteman (Nilai RM 10)

RM 5
per satu permohonan



Penseteman (Ad Valorem)

RM 50
per satu permohonan

Panduan Interpretasi & Definisi Dokumen Perundangan

Memberikan kefahaman yang jelas tentang jenis-jenis dokumen perundangan, definisi, serta implikasi undang-undang yang terlibat dalam setiap dokumen tersebut.

Istilah/ Singkatan Khusus	Definisi / Penerangan
Letter of Intent (LOI)/Surat Niat	Suatu nota asas yang menyatakan niat pihak-pihak untuk bekerjasama dalam suatu bidang tertentu. Surat Niat ini tidak mengikat pihak- pihak dari segi undang-undang dan dimeterai untuk sesuatu tujuan yang umum, tidak melibatkan dasar-dasar Kerajaan, implikasi kewangan dan keselamatan negara.
Memorandum of Understanding (MOU) /Memorandum Persefahaman	Suatu pernyataan persefahaman dan niat pihak-pihak untuk bekerjasama antara satu sama lain dalam bidang-bidang tertentu tanpa mewujudkan suatu hubungan perundangan sesama mereka. Pihak-pihak tidak terikat kepada apa-apa tanggungjawab / obligasi, atau liabiliti secara perundangan.
UMUM: Memorandum of Agreement /Collaboration Agreement (MOA/CA)/ Memorandum Perjanjian/Perjanjian Kerjasama	Suatu perjanjian umum di mana pihak-pihak bersetuju untuk mewujudkan suatu hubungan perundangan sesama mereka dan berdasarkan kepada balasan atau beberapa janji yang dibuat oleh pihak yang satu lagi. Pihak-pihak adalah terikat kepada tanggungjawab / obligasi, risiko dan liabiliti yang telah dipersetujui secara bersama termasuklah implikasi kewangan. Sebarang pelanggaran terma dan syarat dalam perjanjian akan membolehkan pihak yang satu lagi mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak yang membuat pelanggaran tersebut.
KHUSUS: Research Collaboration Agreement (RCA)/Perjanjian Kerjasama Penyelidikan	Suatu perjanjian penyelidikan yang dijalankan dimana pihak-pihak bersetuju untuk mewujudkan suatu hubungan perundangan sesama mereka dan berdasarkan kepada balasan atau beberapa janji yang dibuat oleh pihak yang satu lagi. Pihak-pihak adalah terikat kepada tanggungjawab / obligasi, risiko dan liabiliti yang telah dipersetujui secara bersama termasuklah implikasi kewangan. Sebarang pelanggaran terma dan syarat dalam perjanjian akan membolehkan pihak yang satu lagi mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak yang membuat pelanggaran tersebut.
Consultancy Agreement (CA)/Perjanjian Perundingan	Suatu perjanjian perundingan dimana pihak Universiti (diwakili oleh penyelidik) akan dinamakan sebagai konsultan yang memberikan khidmat perundingan professional serta menerima yuran konsultansi seperti yang dipersetujui oleh pihak-pihak. Pihak-pihak adalah terikat kepada tanggungjawab / obligasi, risiko dan liabiliti yang telah dipersetujui secara bersama termasuklah implikasi kewangan. Sebarang pelanggaran terma dan syarat dalam perjanjian akan membolehkan pihak yang satu lagi mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak yang membuat pelanggaran tersebut.

Panduan Interpretasi & Definisi Dokumen Perundangan

Memberikan kefahaman yang jelas tentang jenis-jenis dokumen perundangan, definisi, serta implikasi undang-undang yang terlibat dalam setiap dokumen tersebut.

<i>Student Exchange Agreement (SEA)/Perjanjian Pertukaran Pelajar dan Staf</i>	Suatu perjanjian pertukaran pelajar yang mewujudkan suatu hubungan perundangan sesama mereka dan berdasarkan kepada balasan atau beberapa janji yang dibuat oleh pihak yang satu lagi. Pihak-pihak adalah terikat kepada tanggungjawab / obligasi, risiko dan liabiliti yang telah dipersetujui secara bersama termasuklah implikasi kewangan. Sebarang pelanggaran terma dan syarat dalam perjanjian akan membolehkan pihak yang satu lagi mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak yang membuat pelanggaran tersebut.
<i>Technology Licensing Agreement (LA)/Perjanjian Perlesenan Teknologi</i>	Suatu perjanjian penggunaan harta intelek Universiti dan sebagai balasan, yuran perlesenan dan royalti dikenakan keatas penerima lesen. Pihak-pihak bersetuju untuk mewujudkan suatu hubungan perundangan sesama mereka dan berdasarkan kepada balasan atau beberapa janji yang dibuat oleh pihak yang satu lagi. Pihak-pihak adalah terikat kepada tanggungjawab / obligasi, risiko dan liabiliti yang telah dipersetujui secara bersama termasuklah implikasi kewangan. Sebarang pelanggaran terma dan syarat dalam perjanjian akan membolehkan pihak yang satu lagi mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak yang membuat pelanggaran tersebut.
<i>Mutual Non-Disclosure Agreement (MNDA)/ Confidentiality Agreement (CA)/ Perjanjian Kerahsiaan</i>	Suatu perjanjian kerahsiaan yang bertujuan menjaga kerahsiaan maklumat sulit semasa perbincangan, mesyuarat dan pertukaran maklumat projek yang dicadangkan. Pihak-pihak bersetuju untuk mewujudkan suatu hubungan perundangan sesama mereka. Pihak-pihak adalah terikat kepada tanggungjawab / obligasi, risiko dan liabiliti yang telah dipersetujui secara bersama. Sebarang pelanggaran terma dan syarat dalam perjanjian akan membolehkan pihak yang satu lagi mengambil tindakan undang-undang seperti perintah injuksi dan tuntutan pampasan terhadap pihak yang membuat pelanggaran tersebut.
<i>Intellectual Property Agreement / Perjanjian Pengkomersilan</i>	Suatu perjanjian yang menyatakan kaedah pengkomersilan, hak, tanggungjawab dan liabiliti antara dua atau lebih pihak-pihak yang terlibat untuk mengkomersilkan harta intelek milik Universiti (sepenuhnya atau bersama).
<i>Intellectual Property Joint Ownership Agreement/ Perjanjian Perkongsian Harta Intelek</i>	Suatu perjanjian antara dua atau lebih pemilik sesuatu harta intelek yang sah di sisi undang-undang dan berkongsi bersama pemilikan ke atas harta intelek tersebut. Perjanjian ini bertujuan menyatakan hak, tanggungjawab dan liabiliti bersama pihak-pihak ke atas harta intelek tersebut termasuklah hak pengeksploitan.
<i>Intellectual Property Fund Agreement/ Perjanjian Dana Pengkomersilan</i>	Suatu perjanjian yang menyatakan hak, tanggungjawab dan liabiliti antara pemberi dana (Universiti) melalui ICC dan penerima dana dan manfaatnya (Penyelidik Universiti dan Pihak Kolaborator) untuk penyediaan produk ke arah pengkomersilan. Definisi ini termasuklah yang berkaitan dengan aktiviti pra pengkomersilan.

Kriteria Kerjasama Antarabangsa KPT: Garis Panduan Pemeteraian MoU & MoA



KRITERIA UTAMA



Tiada Tanggungan Kewangan

Kerjasama yang dijalankan tidak boleh melibatkan sebarang tanggungan kewangan atau kemudaran kepada pihak kerajaan khususnya.



Tiada Implikasi Negatif

Kerjasama tidak memberi kesan buruk terhadap dasar ekonomi, kewangan, pembangunan, sosial, bencana alam, dan hubungan luar.



Kedaulatan Negara Terjamin

Kerjasama tidak mempunyai sebarang implikasi keselamatan ataupun mengancam kedaulatan negara.



Hubungan diplomatik Rasmi

Negara asing yang terlibat mestilah mempunyai hubungan diplomatik yang sah dengan Malaysia.




Bebas Kumpulan Haram & Pelampau

Organisasi antarabangsa tidak terlibat dengan pertubuhan yang tidak diiktiraf, kumpulan haram, atau gerakan pelampau agama di peringkat global.



Hubungan Baik Sedia Ada

Mempunyai apa-apa bentuk kerjasama yang baik dengan Malaysia sebagai asas kepada pemeteraian baharu.



KRITERIA TAMBAHAN



Pertukaran Pelajar & Biasiswa

Melibatkan mobiliti pelajar Malaysia ke luar negara dan pelajar asing ke Malaysia, serta penawaran tajaan atau biasiswa.



Ranking Universiti 1-500

Institut pengajian tinggi rakan kerjasama tersenarai dalam QS World Universities Rankings atau Times (ranking 1 - 500).



Pengiktirafan & Kerjasama Sektor

Institut diiktiraf oleh kedua-dua buah negara dan wujud kerjasama strategik dalam sektor pendidikan tinggi.



Manfaat Pendidikan Tinggi Negara

Memberikan manfaat secara keseluruhan dalam aspek pendidikan tinggi dan peluang meneroka pasaran baharu.



Bahasa Keutamaan

Bahasa Inggeris adalah bahasa utama perjanjian, namun Bahasa Melayu turut diberi keutamaan bagi perjanjian yang bakal dimeterai.

Garis panduan ini diterbitkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk menjelaskan kriteria yang dijadikan asas bagi memastikan setiap kerjasama memberikan manfaat maksimum

Panduan Komprehensif Rubrik Kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM)



Matriks Jenis Dokumen Kerjasama

Perbezaan Prosedur Antara Dokumen. Setiap dokumen mempunyai aliran kelulusan yang berbeza, daripada peringkat Pejabat Penasihat Undang-Undang (PUU) hingga ke Lembaga Pengarah Universiti (LPU).

Jenis Dokumen	Pihak Berkuasa Melulus	Tempoh Kerjasama	Implikasi Kewangan	Penandatanganan	Saksi	Penseteman	Kriteria Baru/Pembaharuan
LOI (Surat Niat)	PUU	1 Tahun	Tiada	Dekan/ Pengarah/ Pengerusi	Tiada Keperluan	Tiada Keperluan	Baru: Min. 1 Aktiviti Pembaharuan: Min. 2 Aktiviti
MOU (Memorandum Kerjasama)	JPU (Dalam Negara) / LPU (Luar Negara)	3 Tahun	Tiada	Naib Canselor / TNC (Pewakilan Kuasa)	Dekan/ Pengarah/ Pengerusi	Tiada Keperluan	Baru: 3 Aktiviti High Impact Pembaharuan: 4 Aktiviti High Impact & 1 Kluster Kewangan
RCA (Perjanjian Penyelidikan)	LPU (Perakuan: JPU & JK Kewangan)	Ikut Penaja	YA	Naib Canselor / TNC Berkaitan	Dekan/ Pengarah/ Pengerusi	YA	Merujuk kepada KPI/Output yang ditetapkan Penaja
SEA (Pertukaran Pelajar)	LPU (Perakuan: JPU & JK Kewangan)	3 - 5 Tahun	YA	Naib Canselor / TNC Berkaitan	Dekan/ Pengarah/ Pengerusi	YA	Merujuk kepada persetujuan pihak-pihak
MOA (Memorandum Perjanjian)	LPU (Perakuan: JPU & JK Kewangan)	Ikut Penaja	YA	Naib Canselor / TNC Berkaitan	Dekan/ Pengarah/ Pengerusi	YA	Merujuk kepada KPI/Output yang ditetapkan Penaja
NDA (Perjanjian Kerahsiaan)	PUU	Ikut Persetujuan	Tiada	Ketua Projek	Dekan/ Pengarah/ Pengerusi	YA	Pertukaran maklumat sulit bagi projek yang akan dijalankan



Nota Perundangan & Pematuhan



Surat Perwakilan Kuasa (Seksyen 60)

Mana-mana dokumen perundangan yang tidak ditandatangani oleh Naib Canselor hendaklah mendapatkan **Surat Perwakilan Kuasa** di bawah **Seksyen 60** Perlembagaan UTM.



Tempoh Penandatanganan (2 Bulan)

Pihak-pihak hendaklah menurunkan tandatangan dalam tempoh 2 bulan dari tarikh kelulusan Universiti. Justifikasi kukuh diperiukan jika gagal.



Tanggungjawab Ketua Projek (3 Bulan)

Ketua Projek wajib mengemukakan dokumen lengkap (ditandatangani & dimatikan setem) kepada PPUU untuk rekod rasmi dalam tempoh 3 bulan dan tarikh kelulusan.

20 Petujuk Prestasi Utama (KPI) untuk Penilaian Impak Kerjasama

Panduan ini membentangkan 20 pilihan KPI yang boleh dipilih sebagai output bagi penilaian impak kerjasama. Terdapat 6 kluster seperti dibawah

KLUSTER AKADEMIK



1. Penyeliaan Bersama

Baharu: Potensi staf akademik UTM menyertai aktiviti penyeliaan. Pembaharuan: Pensyarah terlibat secara aktif dalam aktiviti penyeliaan bersama.



4. Pemeriksa / Lantikan Silang

Penglibatan staf akademik sebagai pemeriksa luar atau pemegang peranan pelantikan dwi-institusi.



5. Pertukaran / Sangkutan / Mobiliti Pelajar

Bilangan pendaftaran pelajar dibawah program Pertukaran/ Sangkutan/ Mobiliti Pelajar



3. Program TNE (Pendidikan Transnasional)

Baharu: Potensi UTM dan institusi kerjasama mewujudkan program TNE. Pembaharuan: Kemajuan ke arah penubuhan program TNE atau kejayaan penawaran program TNE.

KLUSTER KOMUNITI



6. Libat Sama Komuniti (Community Engagement)

Impak 1 & 2 bintang berdasarkan kerangka libat sama masyarakat.



7. Projek Pemindahan Ilmu

Impak 3 bintang ke atas berdasarkan hasil keberhasilan projek.

KLUSTER IMPLIKASI KEWANGAN



8. Latihan / Bengkel / Seminar / Webinar / Persidangan

Hasil kewangan yang dijana daripada perkhidmatan berkaitan akademik dan penyelidikan.



10. Endowmen / Hadiah / Penajaan / Kursi Profesor

Memperoleh sokongan kewangan melalui aktiviti filantropi atau perkongsian industri.



9. Konsultasi

Perkhidmatan perundingan industri dan perkongsian kepakaran.



11. Projek Penyelidikan / Geran Diperoleh

Memperoleh sokongan kewangan melalui aktiviti filantropi atau perkongsian industri.

KLUSTER AKTIVITI LAIN



12. Pertukaran / Sangkutan Staf

Program pertukaran staf, penyelidikan pelawat.



13. Penceramah Pienari / Ucaptama / Jemputan

Keterlibatan/ perwakilan dalam acara berprestij dan persidangan antarabangsa.



14. Sumbangan Dasar (Policy Contributions)


Penglibatan dalam penggubalan dasar, kertas putih (white papers), atau peranan penasihat.



15. Lawatan Akademik / Penandaarasan

Lawatan institusi bagi tujuan penandaarasan dan jalinan kerjasama.

KLUSTER RAKAN KERJASAMA



16. Pembentukan Kerjasama Model Quintuple Helix

Libat sama antara akademik, industri kerajaan, masyarakat dan alam sekitar.

KLUSTER PENYELIDIKAN



17. Penerbitan / Penulisan Bersama

Hasil penyelidikan melalui penerbitan kolaboratif



18. Pemindahan Teknologi

Pemindahan pengetahuan, inovasi, atau teknologi kepada pihak industri.



19. Permohonan Geran Bersama

Permohonan dana penyelidikan secara kolaboratif.



20. Makmal / Pejabat Satelit

Mewujudkan kehadiran/ pusat operasi penyelidikan di insituti kerjasama.

SCAN ME



**Template Kertas Kerja/ MoU & MoA /
Borang Penilaian Risiko**